

22/11/2001

Saya sangat sedih: Dr M

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, sebagai satu kehilangan besar kepada negara.

Perdana Menteri yang kelihatan sugul berkata, beliau tidak menjangka Seri Paduka mangkat begitu cepat.

"Saya sangat sedih atas kemangkatan Seri Paduka kerana Seri Paduka kawan baik saya. Kami bekerja bersama-sama dengan rapat sekali. Bagi saya, kehilangannya amat dirasai," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengumumkan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11 itu melalui RTM di Angkasapuri, hari ini.

Katanya, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang begitu cergas dengan mengadakan lawatan ke pelbagai tempat, jabatan dan kementerian hampir setiap hari.

"Saya tahu Seri Paduka tidak begitu sihat kerana pernah menjalani pembedahan jantung dan komplikasi lain. Tetapi Seri Paduka bertegas bahawa baginda seharusnya menjalankan tugasnya sebagai Yang di-Pertuan Agong, melawat setiap orang, menjalankan tugasnya dengan cara dedikasi.

"Baginda adalah seorang Yang di-Pertuan Agong yang baik," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengangap kemangkatan Yang di-Pertuan Agong sebagai 'satu kehilangan besar kepada negara'.

"Saya sendiri berasa sangat sedih. Baginda seorang raja yang baik, seorang yang berjiwa rakyat," katanya apabila dihubungi oleh Bernama.

Abdullah berkata, ke mana saja baginda pergi untuk melawat, rakyat jelata akan tampil ke depan untuk berjabat tangan dengan baginda.

"Saya pernah melihat ini setiap kali saya mengiringi Seri Paduka ketika baginda melawat pelbagai tempat. Orangnya bertimbang rasa dan mengambil berat akan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

"Dalam banyak kali saya mengadap Seri Paduka, baginda sentiasa bercakap mengenai rakyat, masalah mereka. Baginda mahu rakyat hidup dalam persekitaran yang sihat," katanya.

Abdullah berkata, Seri Paduka juga sentiasa menekankan yang tidak harus ada perlakuan melampau dalam agama.

Oleh kerana baginda menghargai keamanan dan kemakmuran di negara dan banyak kali pernah berbicara akan perlunya memulihara dua aspek itu tanpa mengira kos.

"Semua ini menunjukkan yang beliau seorang raja yang mengambil berat akan kebajikan rakyat.

"Saya pasti semua warga Malaysia akan turut merasai kehilangan baginda, saya sendiri sangat sedih," katanya.

(END)